

 MDBG	BAHAGIAN PELESENAN JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH		
	SYARAT – SYARAT LESEN BENGKEL KERETA		
	Syarat-syarat / JP- MDBG/Lesen Bengkel Kereta	No.Telefon	05-3632020 / 05-3632030
		No.Fax	05-3665930
		E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my
		Tarikh Kemaskini	18/12/2023

1. Perniagaan hanya dibenarkan beroperasi di Kawasan Perindustrian sahaja.
2. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat dan mengimpal tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) terlebih dahulu.
3. Dilarang menimbulkan kacauganggu kepada lalu lintas dan persekitaran.
4. Dilarang membiarkan Binatang seperti anjing berkeliaran di dalam bangunan / premis.
5. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MDBG. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi premis perniagaan.
6. Menjaga kebersihan di dalam dan di luar bangunan / premis.
7. Memastikan susatur barang-barang di dalam bangunan / premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan kerja.
8. Menyediakan kotak ' *First Aid* ' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian
9. Mengurus dan mengendalikan sisa buangan dengan betul, dilarang membuang tumpahan cecair seperti minyak, penyejuk, pelarut dan cecair pencuci yang lain.
10. Menyediakan bekas untuk menyimpan minyak terpakai dan melupuskan ke tempat yang sesuai kepada Syarikat yang mengedalikan kitar semula iaitu memastikan kontraktor dan PYDT mempunyai lesen di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
11. Mengibarkan / mempamerkan bendera negeri / kebangsaan di premis.
12. Memaklumkan kepada pihak MDBG sekiranya telah berpindah / tidak lagi menjalankan perniagaan.

13. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang di dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.
14. Tidak dibenarkan meletak peralatan atau barang-barang di kaki lima bangunan / premis tanpa kelulusan daripada pihak MDBG.
15. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat, mengetuk dan mengimpal di premis perniagaan tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak MDBG.
16. Dilarang membuat sebarang tambahan ' rem' atau 'slab' kekal di kaki lima ataupun disiar kaki.
17. Dilarang meletakkan kenderaan yang sedang dibaik pulih atau rosak di hadapan premis yang boleh menimbulkan sebarang kacau ganggu.
18. Pihak Majlis berhak mengkaji semula kesesuaian tapak premis perniagaan bengkel dan berhak menarik balik lesen yang dikeluarkan sekiranya terdapat aduan awam atau pelanggaran mana-mana syarat pelesenan dan Jabatan Teknikal Majlis Daerah Batu Gajah.

ARAHAN :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**